

**SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA KUALA SELANGOR  
PASIR PENAMBANG, 45000 KUALA SELANGOR**

**MESYUARAT SPBT BIL. 1 TAHUN 2023/2024**

TARIKH: 27 HB MAC 2023  
MASA: 2.30 – 3.30 PETANG  
TEMPAT: BILIK MESYUARAT AN-NUR

**A. KEHADIRAN**

1. Tn. Hj Shuhaimi bin Latip – PK HEM
2. Pn. Nur Zahira binti Mohd Dzamry – Penyelaras SPBT
3. Pn. Ariza binti Zaini
4. Pn. Norhazirah binti Abdul Malek Ridzuan
5. Pn. Susianti binti Samingon
6. Pn. Wirdahayu binti Mohamad Nyisak
7. En. Abd Ghani bin Abd Raman
8. En. Mohd Amin Al-Matin bin Ibrahim

**1.0 UCAPAN Pengerusi Mesyuarat**

- 1.1 Pengerusi mengalu-alukan kehadiran semua penyelaras SPBT dan ahli jawatankuasa guru yang baru.
- 1.2 Mesyuarat dimulakan dengan bacaan Ummul Kitab Al-Fatihah diikuti bacaan doa oleh Tn. Hj. Shuhaimi bin Latip.

**2.0 UCAPAN PENASIHAT**

- 2.1 Tn. Hj Shuhaimi bin Latip mengucapkan terima kasih di atas kerjasama yang diberikan oleh semua ahli jawatankuasa SPBT dalam melancarkan dan melicinkan pengurusan buku teks sekolah.
- 2.2 Ucapan syabas dan tahniah juga kepada Pn. Nur Zahira Binti Mohd Dzamry selaku penyelaras baru SPBT yang baru.
- 2.3 Beliau mengharapkan supaya ahli jawatankuasa yang baru dilantik sama-sama meningkatkan pengurusan SPBT dan keceriaan bilik BOSS.

**3.0 LANTIKAN PENYELARAS BAGI SETIAP TINGKATAN:**

- 3.1 Ahli jawatankuasa sebulat suara menerima pelantikan yang ditetapkan:
  - Tingkatan 1: En. Mohd Amin Al-Matin Bin Ibrahim
  - Tingkatan 2: Pn. Norhazirah Binti Abdul Malek Ridzuan
  - Tingkatan 3: Pn. Susianti Binti Samingon
  - Tingkatan 4: En. Abd Ghani Bin Abd Raman
  - Tingkatan 5: Pn. Wirdahayu Binti Mohamad Nyisak

**4.0 AKTIVITI DAN PROGRAM TAHUNAN**

- 4.1 Taklimat di perhimpunan tentang kepentingan menjaga buku teks oleh penyelaras unit SPBT.
- 4.2 Cadangan menyediakan papan kenyataan SPBT.
- 4.3 Proses pemberian bekalan buku teks kepada murid tingkatan 1 hingga tingkatan 5.
- 4.4 Aktiviti peminjaman semula buku teks untuk murid tingkatan 5 yang bakal menduduki peperiksaan SPM, buku yang dipinjamkan akan dipulangkan semula selepas peperiksaan SPM tamat mengikut tarikh yang telah ditetapkan.
- 4.5 Penghantaran lebihan buku teks ke BOSD.

**5.0 Hal- Hal lain**

- 5.1 Mohon kerjasama guru kelas untuk menyenaraikan buku teks yang tidak mencukupi bagi kelas masing-masing dan hantar judul buku dan jumlah kepada mana-mana guru SPBT
- 5.2 Memaklumkan kepada murid buku teks yang hilang perlu diganti.
- 5.3 Mohon guru-guru kelas menghantar borang G.

## **6.0 PENUTUP**

6.1 Pengerusi majlis mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua guru yang hadir dan berharap segala perancangan berjalan dengan lancar dan dipermudahkan segala pengurusan SPBT sekolah.

Disediakan oleh,

.....  
(NUR ZAHIRA BINTI MOHD DZMARY)  
Setiausaha SPBT  
Sesi 2023/2024  
SMK Agama Kuala Selangor

Tarikh: 28 Mac 2023